

# Pensyarah KUTKM menang cipta sistem perisian

Archival News | Berita Harian | 25/01/2003 | Author: Rahman Hashim

PENSYARAH Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), Prof Madya Goh Ong Sing, memenangi tempat pertama Pertandingan Microsoft Asia Student.Net peringkat kebangsaan, baru-baru ini.

Goh dan kumpulannya yang membangunkan sistem perisian 3S (Smart Surveillance System) menerima wang tunai RM10,000 serta trofi dan akan mewakili Malaysia ke pertandingan akhir peringkat Asia di Beijing, China, pada 25 Februari ini.

Pertandingan itu dianjurkan firma komputer gergasi, iaitu Microsoft dan sebanyak 11 negara Asia akan mengambil bahagian.

Pertandingan Microsoft Asia Student.NET adalah komitmen Microsoft dalam usaha mengembangkan teknologi maklumat, terutama untuk sektor pendidikan.

Program itu bertujuan menggalakkan pelajar universiti menunjukkan kreativiti, daya inovasi dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Goh berkata, sistem perisian keselamatan yang menggunakan nama GOWatch itu menggunakan teknologi Java dan boleh dikunjungi di URL <http://ftmk.kutkm.edu.my/rnd/3s>.

"Dengan perkembangan teknologi Microsoft.NET yang maju dalam perkhidmatan laman web, sistem GOWatch dibina dengan menggabungkan ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan WebCam dan pengesan penceroboh (motion detector) berdasarkan NET Framework," katanya.

Beliau menjelaskan, perisian pengesan imej yang diintegrasikan dengan sistem itu akan menghantarnya ke Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan kemudian dihantar kepada e-mel untuk memaklumkan pengguna apa yang berlaku di rumah atau pejabat.

"Perkhidmatan ini bukan saja dapat digunakan pada komputer peribadi, malah boleh juga diaplikasikan dengan komputer peribadi bersaiz poket atau pocket PC," katanya.

Di samping itu katanya, sistem itu juga boleh dicapai melalui laman web untuk mengetahui keadaan rumah atau pejabat dengan memacu WebCam kawalan jauh tersebut.

Sementara itu, Rektor KUTKM, Prof Datuk Dr Mohd Ruddin Abdul Ghani, berkata kemenangan itu selaras hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Melaka sebagai pusat kecemerlangan bidang pendidikan rantau ini.

"Kemenangan ini jelas membuktikan KUTKM begitu komited dalam bidang penyelidikan dan ia akan terus diberi keutamaan dalam usaha menghasilkan lebih banyak bahan penyelidikan berkualiti," katanya.

(END) Source : Berita Harian